



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2016**



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 9 hingga 16.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan MDKL pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada MDKL dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, MDKL bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan MDKL tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan MDKL yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan MDKL adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan MDKL, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan MDKL untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan MDKL secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada *fraud* atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan MDKL, sama ada disebabkan *fraud* atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada *fraud* adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana *fraud* mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman MDKL.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunapakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan MDKL sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan MDKL atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan MDKL memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh MDKL telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.




(ROKIAH BINTI SAHAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SHAH ALAM
25 JULAI 2017



**KENYATAAN OLEH
YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**


Kami, Mohamad Zain Bin A Hamid, *P.P.T*, Yang Dipertua dan Tuan Hj. AB Rahman bin Amir, Ahli Majlis, Majlis Daerah Kuala Langat dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Perubahan Di Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi Majlis yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Majlis Daerah Kuala Langat pada 31 Disember 2016 serta hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.



.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, *P.P.T*)

Yang Dipertua
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : **3** April 2017



.....
(TUAN HJ. AB RAHMAN BIN AMIR)

Ahli Majlis
Majlis Daerah Kuala Langat

Tarikh : **3** April 2017


**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**

Saya, **Kamarulzaman bin Ahmad**, K.P No. :670727-10-6387, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Majlis Daerah Kuala Langat, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016, Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 dan Penyata Perubahan Di dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai yang berikutnya ini berserta dengan nota-nota, mengikut sebaik-baiknya pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh)
Penama di atas Kamarulzaman bin
Ahmad)

di Banting, Kuala Langat)

Pada :
- 3 APR 2017


.....

Dihadapan saya :

A-B 133
SHAMINI A/P RAJAN
MAHKAMAH MAJISTRET
TELOK DATOK
PESURUHJAYA
SUMPAN
.....
3/4/2017

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2016

	<u>NOTA</u>	<u>2016 (RM)</u>	<u>2015 (RM)</u>
ASET			
Aset Semasa:			
Penghutang	6	11,873,403	11,686,502
Pinjaman Kakitangan	7	338,992	360,020
Pelbagai Pertaruhan dan Terakru	7	815,888	573,254
Cagaran Majlis	7	253,300	253,300
Simpanan Tetap	20	73,000,000	61,000,000
Wang Dalam Bank dan Di Tangan	21	4,216,974	6,770,156
Jumlah Aset Semasa		90,498,557	80,643,232
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	16,687,561	18,390,629
Kerja Dalam Kemajuan	5	208,500	0
Pelaburan	19	18,000,000	3,000,000
Jumlah Aset Bukan Semasa		34,896,061	21,390,629
Jumlah Aset		125,394,618	102,033,861
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pemiutang & Pelbagai Pemiutang	8	5,362,726	10,928,587
Wang Cagaran & Terimaan Terdahulu	9	24,174,946	21,542,000
Pinjaman sewa beli	14	254,319	269,523
Jumlah Liabiliti Semasa		29,791,991	32,740,110
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman sewa beli	14	273,123	527,442
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		273,123	527,442
Jumlah Liabiliti		30,065,114	33,267,552
Aset Bersih		95,329,504	68,766,309
EKUITI:			
Geran Bantuan Khas Kerajaan	10	9,592,130	10,466,387
Kumpulan Wang Majlis	12	75,579,343	52,536,931
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	15	700,000	700,000
Kumpulan Wang Amanah	16	9,458,031	5,062,991
Jumlah Ekuiti		95,329,504	68,766,309

Nota-nota di mukasurat 9 hingga 16 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	NOTA	2016 (RM)	2015 (RM)
<u>PENDAPATAN</u>			
Hasil Cukai	23	30,379,067	30,072,139
Hasil Bukan Cukai	23	29,940,917	24,367,900
Pelbagai Terimaan	23	11,779,861	30,684,912
JUMLAH PENDAPATAN		72,099,845	85,124,951
<u>PERBELANJAAN</u>			
Emolumen	23	15,822,310	13,981,398
Perkhidmatan dan Bekalan	23	26,691,926	48,214,183
Pemberian dan Kenaan Tetap	23	3,505,660	2,969,069
Perbelanjaan Lain	23	2,780,242	2,713,697
JUMLAH PERBELANJAAN		48,800,138	67,878,347
LEBIHAN DALAM TAHUN		23,299,707	17,246,604

Nota-nota di mukasurat 9 hingga 16 merupakan sebahagian dari akaun-akaun ini.

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI :		
Lebihan Pendapatan	23,299,707	17,246,604
Pelarasan Yang Tidak Melibatkan Tunai :		
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	2,273,986	2,250,932
Pelarasan, Hapuskira	(3,321)	(10,786,710)
Kredit Tertunda	(874,257)	(890,175)
Faedah Pelaburan	(3,620,949)	(1,995,100)
	<u>(2,224,541)</u>	<u>(11,421,053)</u>
Keuntungan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	<u>21,075,166</u>	<u>5,825,551</u>
(Peningkatan) / Penurunan Pada Aset Semasa :		
Pelbagai Pertaruhan dan Terakru	(733,580)	(262,831)
Penghutang	(186,901)	(1,539,186)
Pinjaman Kakitangan	21,028	45,564
	<u>(899,453)</u>	<u>(1,756,453)</u>
Peningkatan / (Penurunan) Pada Liabiliti Semasa :		
Pemiutang	(5,570,919)	(546,201)
Pelbagai Pemiutang	5,058	1,415
Wang Cagaran	2,632,946	2,166,426
Terimaan Terdahulu	(30,606)	59,972
	<u>(2,963,521)</u>	<u>1,681,612</u>
Peningkatan / (Penurunan) pada Ekuiti :		
Geran Bantuan Khas Kerajaan	(874,257)	606,664
Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan	0	0
Kumpulan Wang Amanah	4,395,040	(5,000)
	<u>3,520,783</u>	<u>601,664</u>
Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Operasi	<u>20,732,975</u>	<u>6,352,374</u>

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN

Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	570,917	(611,788)
(Peningkatan) / Pengurangan Pembinaan Dalam Kemajuan	(208,500)	468,353
Faedah Pelaburan	<u>3,620,949</u>	<u>1,995,100</u>
Aliran Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	<u>3,983,366</u>	<u>1,851,665</u>

ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN

Pembayaran Pinjaman Sewa Beli	<u>(269,523)</u>	<u>(269,523)</u>
Aliran Tunai Bersih Dijana Dari Aktiviti Pembiayaan	<u>(269,523)</u>	<u>(269,523)</u>

**PENINGKATAN BERSIH DALAM TUNAI DAN
KESETARAAN TUNAI**

Tunai dan Kesetaraan Tunai Bawa Hadapan	24,446,818	7,934,516
	70,770,156	62,835,640

TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA 31 DISEMBER

<u>95,216,974</u>	<u>70,770,156</u>
-------------------	-------------------

ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA DI AKHIR TEMPOH

Wang Dalam Bank dan Di Tangan	4,216,974	6,770,156
Simpanan Tetap	73,000,000	61,000,000
Pelaburan	<u>18,000,000</u>	<u>3,000,000</u>
WANG TUNAI, DANA JANGKA PENDEK & PELABURAN	<u>95,216,974</u>	<u>70,770,156</u>

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	<u>Geran Bantuan Khas</u>	<u>Kumpulan Wang Majlis</u>	<u>Kumpulan Wang Pinjaman Kakitangan</u>	<u>Kumpulan Wang Amanah</u>	<u>Jumlah</u>
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
Pada 1/1/2015	10,749,898	48,505,467	700,000	20,000	59,975,365
(+) Tambahan Kumpulan Wang	606,664	373,778	0	13,894,110	14,874,552
Pelarasan dalam tahun	(890,175)	(13,588,918)	0	(8,851,119)	(23,330,212)
Lebihan dalam tahun	0	17,246,604	0	0	17,246,604
Pada 31/12/2015	10,466,387	52,536,931	700,000	5,062,991	68,766,309
Pada 1/1/2016	10,466,387	52,536,931	700,000	5,062,991	68,766,309
+ Tambahan Kumpulan Wang	0	0	0	11,489,374	11,489,374
(-) Perbelanjaan/Pelarasan dalam tahun	(874,257)	(257,295)	0	(7,094,334)	(8,225,886)
Lebihan dalam tahun	0	23,299,707	0	0	23,299,707
Pada 31/12/2016	9,592,130	75,579,343	700,000	9,458,031	95,329,504

NOTA KEPADA AKAUN

1 DASAR PERAKAUNAN

1.1 Asas Penyediaan

Penyata Kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan persembahan penyata kewangan adalah mengikut Lembaga Piawaian Perakaunan berkaitan yang diluluskan di Malaysia serta garis panduan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.

1.2 Asas Perakaunan

Akaun Majlis ini disediakan menurut kelaziman kos sejarah.

1.3 Penggunaan matawang

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam ringgit Malaysia (RM) yang merupakan matawang fungsian Majlis.

1.4 Hartanah, Loji & Peralatan

1.4.1 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos selepas ditolak susutnilai terkumpul dan penjelasan nilai terkumpul.

1.4.2 Kadar Susutnilai Aset

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan dibuat mengikut kaedah garis lurus berasaskan anggaran usiaguna harta-harta tersebut, seperti berikut:-

Bangunan	5%
Jentera/Mesin Rumpit	20% - 33 1/3%
Kenderaan	15%-20%
Peralatan dan kelengkapan pejabat	10%-20%
Alatan sukan dan rekreasi	10%-20%
Aplikasi sistem	10%-20%
Tanah	Pajakan 99

Selepas pelupusan sebarang harta tetap, perbezaan di antara terimaan bersih pelupusan dan nilai buku bersih adalah diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan rizab penilaian semula yang berkaitan, sekiranya ada, dan dipindahkan kepada keuntungan terkumpul.

1.4.3 Pengurangan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak semula pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda-tanda pengurangan nilai. Sekiranya terdapat tanda-tanda sedemikian, amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset berkenaan akan dianggarkan. Amaun yang boleh diperoleh semula merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan. Amaun yang boleh diperoleh semula dijangka untuk aset individu atau sekiranya tidak boleh, untuk unit yang menghasilkan tunai yang mana aset itu digunakan.

Kerugian pengurangan nilai dicajkan terus kepada penyata prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam amaun yang boleh diperoleh semula bagi aset yang diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian pengurangan nilai terdahulu dan diiktiraf setakat amaun aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian pengurangan nilai diiktiraf sebelum ini. Keterbalikan ini diiktiraf dalam penyata prestasi Kewangan dengan serta merta.

1.4.4 Keuntungan atau kerugian atas jualan aset

Keuntungan atau kerugian atas jualan hartanah, loji dan peralatan adalah dikenalpasti dengan membuat perbandingan harga jualan dengan nilai buku bersih dan ia akan diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan pada penyata prestasi Kewangan.

1.5 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan dari cukai taksiran, sumbangan bantu kadar, sewaan dan faedah adalah diiktiraf mengikut kaedah akrual. Pendapatan yang lain adalah diiktiraf pada asas terimaan.

1.6 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki dan simpanan di bank serta pelaburan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan tidak mempunyai risiko ketara dalam perubahan nilainya.

1.7 Penghutang

Penghutang diukur pada nilai realisasi diantisipasi. Hutang lapuk dihapuskan dalam tempoh ia dikenalpasti. Satu anggaran dibuat bagi hutang ragu berasaskan kepada semakan semula semua jumlah tertunggak pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

1.8 Pengiktirafan Pemiutang

Pengiktirafan Pemiutang adalah seperti berikut:-

"Apabila perbekalan telah diterima atau perkhidmatan/kerja telah disempurnakan dan semua dokumen berikut telah diterima dan disahkan sebelum atau pada 31 Disember sesuatu tahun tetapi masih belum dibayar dalam tahun yang sama hendaklah diambil kira sebagai pemiutang tahun tersebut."

1.9 Cukai Pendapatan

Majlis adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan mengikut Seksyen 127, Akta Cukai Pendapatan 1967.

1.10 Kebajikan Kakitangan

- 1.10.1 Kumpulan Wang Simpanan Pekerja & Caruman Perkeso.
- 1.10.2 Peruntukan Perubatan kepada kakitangan & keluarga.
- 1.10.3 Insuran Perubatan.
- 1.10.4 Pinjaman Tabung Pendidikan Anak-anak Kakitangan.
- 1.10.5 Pinjaman Kenderaan Kakitangan.
- 1.10.6 Pinjaman Komputer Kakitangan.
- 1.10.7 Tabung Khas Kakitangan

1.11 Instrumen Kewangan

- 1.11.1 Pelaburan Simpanan Tetap.
- 1.11.2 Pelaburan Akaun Amanah.

1.12 Peruntukan Hutang Ragu

Peruntukan Hutang Ragu adalah satu jumlah peruntukan yang disediakan bagi mengenalpasti dan menyelaraskan amaun-amaun yang mempunyai usia tunggakan yang lama.

1.13 Pembinaan Dalam Kemajuan (WIP)

Pembinaan Dalam Kemajuan atau Kerja Dalam Proses (WIP) adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah sama perbelanjaan yang terlibat dalam projek berkaitan. Kos pembinaan akan dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan yang berkenaan apabila Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

1.14 Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf apabila terdapat jaminan yang munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan Majlis akan mematuhi semua syarat yang telah diterima.

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan dikenalpasti sebagai pendapatan dalam penyata prestasi kewangan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik pada tempoh yang diperlukan bagi menyesuaikan geran tersebut dengan perbelanjaan yang digunakan untuk dibayar.

Pemberian Kerajaan bagi pembelian aset bantuan khas akan diiktiraf sebagai geran modal tertunda dan akan dilunaskan mengikut susutnilai aset yang dibeli.

1.15 Perbandingan Tahunan

Angka tahunan terdahulu ditunjukkan semula untuk tujuan perbandingan.

2 LIABILITI LUAR JANGKA

Tiada liabiliti luar jangka dalam tahun kewangan 2016.

3 MAKLUMAT KAKITANGAN

Bilangan kakitangan adalah mengikut taraf jawatan seperti berikut :

<u>Taraf Jawatan</u>	<u>2016</u>	<u>2015</u>
Tetap	344	349
Kontrak	59	59
	<u>403</u>	<u>408</u>

4. HARTANAH, LOJI & PERALATAN

JENIS HARTA	KOS PADA 1/1/2016 RM	TAMBAHAN 2016 RM	PELARASAN 2016 RM	PELUPUSAN 2016 RM	KOS PADA 31/12/2016 RM	SUSUTNILAI TERKUMPUL 1/1/2016 RM	SUSUTNILAI 2016 RM	PELARASAN 2016 RM	PELUPUSAN 2016 RM	SUSUTNILAI TERKUMPUL 31/12/2016 RM	NILAI BUKU 31/12/2016 RM	NILAI BUKU 31/12/2015 RM
HARTA BANTUAN KHAS												
Kedai / Rumah	19,326,224	0	0	0	19,326,224	8,934,803	854,469	0	0	9,789,272	9,536,952	10,391,421
Kenderaan	940,571	0	0	0	940,571	868,986	17,894	0	0	886,880	53,691	71,585
Mesin & Jentera	12,600	0	0	0	12,600	12,599	0	0	0	12,599	1	1
Peralatan & Lengkapan P	85,653	0	0	0	85,653	82,272	1,894	0	0	84,166	1,487	3,381
	20,365,048	0	0	0	20,365,048	9,898,660	874,257	0	0	10,772,917	9,592,131	10,466,388
HARTA MAJLIS												
Tanah	73,266	0	0	0	73,266	8,170	709	0	0	8,879	64,387	65,096
Bangunan	10,589,691	0	0	0	10,589,691	4,852,454	506,715	0	0	5,359,169	5,230,522	5,737,237
Kenderaan	3,480,090	230,070	0	0	3,710,160	2,502,609	458,321	0	0	2,960,930	749,230	977,481
Mesin & Jentera	213,447	20,318	0	0	233,765	109,269	33,306	0	0	142,575	91,190	104,178
Peralatan & Lengkapan P	2,447,510	132,621	0	0	2,580,131	2,003,232	172,802	0	0	2,176,034	404,097	444,278
Alatan Sukan & Rekreasi	156,700	0	0	0	156,700	115,792	11,397	0	0	127,189	29,511	40,908
Aplikasi Sistem	1,030,633	175,909	0	0	1,206,542	475,570	214,079	0	0	689,649	516,893	555,063
Kelengkapan lain	0	12,000	0	0	12,000	0	2,400	0	0	2,400	9,600	0
	17,991,337	570,918	0	0	18,562,255	10,067,096	1,399,729	0	0	11,466,825	7,095,430	7,924,241
JUMLAH BESAR	38,356,385	570,918	0	0	38,927,303	19,965,756	2,273,986	0	0	22,239,742	16,687,561	18,390,629

5 KERJA DALAM KEMAJUAN

Keterangan	Nota	2016 RM
Baki terkumpul pada 1 Januari 2016		0
Perbelanjaan dalam tahun	5.1	208,500
Serahan selepas Akaun Siap Kerja	5.1	0
Baki akhir pada 31 Disember 2016		208,500

5.1 Kerja membekal Sistem Quantum GIS (Geographical Information System)
(Ruj: MDKL/JKP/03/SH.5/2015)

Perbelanjaan	Serahan Siap Kerja
208,500	0
<u>208,500</u>	<u>0</u>

6 PENGHUTANG

6.1 Penghutang pemiagaan terdiri daripada tunggakan cukai taksiran dan tunggakan sewaan harta majlis

Keterangan	Nota	2016 RM	2015 RM
Cukai Taksiran		10,543,473	10,582,368
Sewa		811,353	308,766
Kastam		518,577	795,368
JUMLAH		11,873,403	11,686,502

7 PELBAGAI PENGHUTANG

Keterangan	Nota	2016 RM	2015 RM
Pinjaman Kakitangan		338,992	360,020
Cagaran Majlis		253,300	253,300
Pelbagai Pertaruhan & Terakru		815,888	573,254
JUMLAH		1,408,180	1,186,574

8 PEMIUTANG DAN PELBAGAI PEMIUTANG

Keterangan	2016 RM	2015 RM
Pemiutang	5,338,968	10,906,089
Peruntukan Bayaran Audit	22,828	22,498
Pemiutang Cukai Taksir (PBT Setempat)	930	1,625
JUMLAH	5,362,726	10,930,212

9 WANG CAGARAN DAN TERIMAAN TERDAHULU

Jumlah wang cagaran adalah jumlah keseluruhan wang awam yang diterima bagi kerja dan perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak Majlis.

Keterangan	2016 RM	2015 RM
Cagaran Terkumpul sehingga tahun		
Cagaran Teknikal	20,575,265	17,788,921
Cagaran Bukan Teknikal	3,482,828	3,605,620
	24,058,093	21,394,541
Terimaan terdahulu	116,853	147,459
JUMLAH	24,174,946	21,542,000

10 GERAN BANTUAN KHAS KERAJAAN

Keterangan	Nota	2016 RM	2015 RM
Geran sehingga tahun		10,466,387	10,749,898
Tambah: Tambahan dalam tahun		0	606,664
Tolak: Dipelaraskan ke hasil Pelarasan dalam tahun		(874,257) 0	(890,175) 0
JUMLAH	17	9,592,130	10,466,387

11 PERUNTUKAN PERSEKUTUAN

Senarai dan baki peruntukan projek di bawah pembiayaan Kerajaan Persekutuan (disalurkan kepada Majlis) adalah seperti berikut:

Bil	Keterangan Projek		Baki Pada 01.01.2016	Tambahan Dalam Tahun	Perbelanjaan	Baki Pada 31.12.2016
			RM	RM	RM	RM
1	Gaji kakitangan OSC & COB		0	343,108	(343,108)	0
2	Bantuan Bengkel Format Bangunan Strata		0	20,000	(20,000)	0
3	Pemberian Skim SEROJA		0	30,000	0	30,000
	JUMLAH		0	393,108	(363,108)	30,000

12 KUMPULAN WANG MAJLIS

Keterangan	Nota	2016 RM
Baki terkumpul pada 1 Januari		52,536,931
<u>Campur:</u>		
i) Tiada		
<u>Tolak:</u>		
i) Pelarasan tahun lepas	13	(257,295)
Baki selepas pelarasan		52,279,636
Lebih pendapatan & perbelanjaan dalam tahun		23,299,707
Baki berakhir pada 31 Disember		75,579,343

13 PELARASAN TAHUN LEPAS

Pengurangan / pertambahan ke atas kumpulan wang disebabkan oleh pelarasan yang berlaku dalam tahun tersebut dan dinyatakan semula pada penyata tahun yang memberi Kesan Perubahan seperti Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Aliran Tunai seperti berikut :-

Pelarasan Tambahan Kumpulan Wang	
Pemiutang	246,692
Hasil	8,200
Perbelanjaan	2,410
	<u>257,302</u>
(-) Pelarasan Pengurangan Kumpulan Wang	
Penghutang	(7)
	<u>257,295</u>

14 SEWA BELI KENDERAAN

Sewa beli kenderaan di mana Majlis memikul sebahagian besar daripada manfaat dan risiko pemilikan dikelaskan sebagai sewa beli. Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi di bawah kontrak sewa beli disusutnilai sepanjang hayat kegunaan aset tersebut. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada Majlis, aset tersebut disusutnilai sepanjang tempoh mana yang lebih pendek antara tempoh sewa beli dan hayat kegunaannya. Setiap bayaran sewa beli diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk memperolehi satu kadar seragam atas baki kewangan tertunggak. Obligasi sewa berkaitan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan di dalam pinjaman. Elemen faedah bagi caj kewangan dicajkan kepada penyata kewangan sepanjang tempoh sewa beli.

Pembayaran operasi sewa beli adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan berasaskan kepada garis lurus selepas tempoh sewa beli terbabit di dalam penyata prestasi kewangan.

Keterangan	2016 RM		2015 RM
Baki bayaran ansuran sewa beli mengikut perjanjian :			
Bayaran tidak melebihi setahun	294,448		312,624
Bayaran melebihi setahun dan tidak melebihi dua tahun	242,016		294,448
Bayaran melebihi dua tahun dan tidak melebihi lima tahun	72,822		314,839
Jumlah baki bayaran ansuran	609,286		921,911
(-) Bayaran faedah pada masa hadapan	(81,844)		(124,946)
Baki pokok sewa beli belum dibayar	527,442		796,965
	2016 RM		2015 RM
Analisa nilai pokok sewa beli belum dibayar seperti berikut:			
Bayaran tidak melebihi setahun	254,319		269,523
Bayaran melebihi setahun dan tidak melebihi dua tahun	210,082		254,319
Bayaran melebihi dua tahun dan tidak melebihi lima tahun	63,041		273,123
Baki pokok sewa beli belum dibayar	527,442		796,965

15 KUMPULAN WANG PINJAMAN KAKITANGAN

Keterangan	2016 RM		2015 RM
Baki peruntukan pada 1 Januari	700,000		700,000
Baki peruntukan pada 31 Disember	700,000		700,000

16 KUMPULAN WANG AMANAH

Keterangan	Nota	2016 RM	2015 RM
Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Kemajuan (Bayaran yang diserahkan oleh pemaju bagi projek yang perlu disiapkan oleh Majlis)		0	15,000
Kumpulan Wang Amanah MARRIS (Peruntukan Dana Penyelenggaraan Jalan bagi penyelenggaraan & perabot jalan)	16.1	9,458,031	5,047,991
		9,458,031	5,062,991

16.1 Terimaan peruntukkan Geran Penyelenggaraan Jalan akan di kreditkan terus ke dalam Kumpulan Wang Amanah awam dan juga perbelanjaan Geran Penyelenggaraan Jalan juga diperakaun di dalam Kumpulan Wang Amanah (Arahan Perbendaharaan 24 dan 25)

Baki pada 1 Januari	5,047,991
Tambahan Geran MARRIS	11,489,374
(-) Penyelenggaraan dan Pembaikan	(7,079,334)
Baki pada 31 Disember	<u>9,458,031</u>

17 GERAN MODAL TERTUNDA

Keterangan	Nota	2016 RM		2015 RM
Penyata Pendapatan		874,257		890,175
Susutnilai geran				
Tolak Perbelanjaan :				
Susutnilai aset bantuan khas		(874,257)		(890,175)
Lebih pendapatan		0		0
Geran Modal Tertunda (Kos)				
Baki pada 1 Januari		20,365,048		19,758,384
Tambahan dalam tahun semasa		0		606,664
		20,365,048		20,365,048
Tolak : Susutnilai terkumpul :				
Pada 1 Januari		9,898,661		9,008,486
Susutnilai tahun semasa		874,257		890,175
Baki pada 31 Disember		10,772,918		9,898,661
Nilai bersih pada 31 Disember	10	9,592,130		(9,898,661)

18 KOMITMEN MODAL

Keterangan	2016 RM		2015 RM
Komitmen adalah kerja bagi membekal Sistem Sistem Quantum GIS (Geographical Information System) untuk Majlis Daerah Kuala Langat oleh Spatial Synergy Consultant. No.rujukan MDKL/JKP/03/SH:5/2016. Nilai kontrak adalah RM390,500.00 yang perlu dibayar mengikut fasa kerja bermula 1 April 2016 sehingga 1 April 2017.			
Peratus bayaran yang belum dibuat	47%		0%
Baki bayaran sehingga 31 Disember yang belum selesai	182,000		0

19 PELABURAN

Keterangan	2016 RM		2015 RM
Akaun Amanah Institut (Konvensional)- Amanah Raya Bhd Tersiar harga, pada kos	18,000,000		3,000,000

20 SIMPANAN TETAP

Keterangan	2016 RM		2015 RM
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	13,000,000		20,000,000
Malaysia Building Society Berhad (MBSB)	35,000,000		25,000,000
Al-Khair International Islamic Bank	6,000,000		10,000,000
Bank Islam Malaysia Bhd	19,000,000		0
AmIslamic Bank	0		6,000,000
Jumlah	73,000,000		61,000,000

21 WANG DALAM TANGAN DAN BANK

Keterangan	2016 RM		2015 RM
Maybank Berhad (a/k:012053306207)	2,435,361		4,077,246
CIMB Bank Berhad (a/k: 12022891898055)	333,371		241,798
Bank Islam Malaysia Bhd (a/k:12074010000051)	961,341		1,873,267
Bank Islam Malaysia Bhd (a/k:12074010042705)	5,074		5,073
AmBank Islamic Bhd (a/k:0412022004530)	216,783		214,112
Bank Simpanan Nasional (a/k:1010041000196924)	7,876		226,195
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (a/k:220183257641)	7,788		130,254
Standard Chartered Saadiq (a/k:493409958851)	187		211
Kuwait Finance House (a/k:017141000196)	247,193		0
Panjar Wang Runcit	2,000		2,000
Jumlah	4,216,974		6,770,156

22 KELULUSAN PENERBITAN PENYATA KEWANGAN

Penyata kewangan telah diluluskan dan dibenarkan untuk diterbitkan oleh Ahli Majlis Daerah Kuala Langat dalam Mesyuarat Majlis Daerah Kuala Langat Bil 3 Tahun 2017 pada 28hb Mac 2017.

23 PENYATA PRESTASI KEWANGAN TERPERINCI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

<u>PENDAPATAN</u>	2016 (RM)	2015 (RM)
HASIL CUKAI		
Cukai Taksiran	30,379,067	30,072,139
	<u>30,379,067</u>	<u>30,072,139</u>
HASIL BUKAN CUKAI		
Lesen dan permit	4,777,991	4,080,090
Bayaran perkhidmatan	14,916,608	11,931,840
Perolehan dari jualan barang	299,475	174,699
Sewaan	4,025,403	3,199,059
Faedah dan perolehan pelaburan	2,887,370	2,524,984
Denda dan hukuman	3,033,364	2,457,228
Hasil Pelbagai	706	0
	<u>29,940,917</u>	<u>24,367,900</u>
PELBAGAI TERIMAAN		
Pulangan Balik Perbelanjaan	211,401	226,949
Geran Tahunan	2,958,548	2,958,548
Terimaan dari Kerajaan Persekutuan/Negeri	7,735,655	4,333,702
Pendapatan Tertunda-Geran Penyelenggaraan MARRIS	0	22,275,538
Pendapatan Tertunda-Geran Bantuan Khas Kerajaan	874,257	890,175
	<u>11,779,861</u>	<u>30,684,912</u>
JUMLAH PENDAPATAN	<u>72,099,845</u>	<u>85,124,951</u>
<u>PERBELANJAAN</u>		
EMOLUMEN		
Gaji dan upahan	9,008,585	8,286,874
Elaun tetap	3,645,761	3,151,817
Sumbangan berkanun (KWSP)	170,527	178,575
Elaun Lebih Masa	1,159,209	997,492
Faedah kewangan yang lain	1,838,228	1,366,640
	<u>15,822,310</u>	<u>13,981,398</u>
PERKHIDMATAN & BEKALAN		
Tuntutan perjalanan	206,035	210,907
Pengangkutan Barang-barang	826	5,075
Perhubungan dan utiliti	3,743,313	3,662,080
Sewaan	270,886	317,728
Bekalan bahan mentah	299,187	358,307
Bekalan bahan lain	1,500,384	1,800,820
Penyelenggaraan dan pembaikan	4,069,923	2,279,850
Penyelenggaraan dan pembaikan-MARRIS	0	22,275,538
Perkhidmatan ikhtisas	16,601,372	17,303,878
	<u>26,691,926</u>	<u>48,214,183</u>
PEMBERIAN & KENAAN TETAP		
Pemberian dalam negeri	2,060,057	1,665,509
Faedah,Dividen & Bayaran Hutang	43,101	43,101
Pencen	1,402,502	1,260,459
	<u>3,505,660</u>	<u>2,969,069</u>
PERBELANJAAN LAIN		
Pulangbalik dan Hapuskira	137,640	143,019
Perbelanjaan Lain	368,616	319,746
Susutnilai	2,273,986	2,250,932
	<u>2,780,242</u>	<u>2,713,697</u>
JUMLAH PERBELANJAAN	<u>48,800,138</u>	<u>67,878,347</u>
LEBIHAN DALAM TAHUN	<u>23,299,707</u>	<u>17,246,604</u>